

Lambakan kenderaan punca masalah parkir di PPR

Kuala Lumpur: Lambakan kenderaan persendirian dan kekurangan tempat letak kenderaan di Projek Perumahan Rakyat (PPR), strata kos rendah dan sederhana di ibu negara terus mendatangkan resah dalam kalangan penduduk dan orang awam.

Pelbagai jenis kenderaan termasuk bas, van dan kereta yang diletakkan sembarangan seperti parkir berlapis atau *double park* di tepi jalan dan hentian bas sehingga menghalang pergerakan kenderaan lain yang melalui kawasan itu, adalah pemandangan biasa di kawasan kediaman berkenaan.

Tinjauan **BERNAMA** di beberapa kediaman strata dan PPR di Sentul, Setapak, Bandar Sri Permaisuri mendapati sebahagian penghuni terpaksa meletak kenderaan di jalan utama iaitu di luar kawasan kediaman menyebabkan lalu-laluan dua lorong menjadi sempit, satu lorong sahaja serta ada juga kenderaan lama dan rosak ditinggalkan begitu sahaja tanpa sebarang tindakan.

Peniaga di Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri, Zolkhoari Abdul Aziz, berkata ada segelintir penghuni PPR dan strata berdekatan pusat penjaja itu mengambil kesempatan apabila meletak kenderaan mereka di parkir yang dikhususkan untuk pelanggan gerai pusat penjaja itu.

Beliau berkata, lantaran parkir percuma itu juga dan tiada penguatkuasaan daripada pihak berwajib, maka pemilik kenderaan seolah-olah besar kepala menjadikan kawasan parkir pe-



Masalah lambakan kenderaan persendirian di PPR, strata kos rendah dan sederhana di Kuala Lumpur punca parkir berlapis dan halang pergerakan kenderaan lain.
(Foto BERNAMA)

langgan milik mereka sehingga ada yang meletakkan kenderaan berminggu-minggu tanpa ada pergerakan keluar masuk.

Penghuni 'bolot' parkir

"Parkir pelanggan pusat penjaja ini 64 lot, tapi boleh dikatakan keseluruhan 'dibolot' oleh segelintir penghuni yang meletak kenderaan mereka walaupun ada papan tanda arahan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur hanya untuk pelanggan gerai.

"Situasi ini menimbulkan ketidakselesaan kepada pelanggan

yang mahu menikmati makanan di sini dan ada antara mereka berlalu sahaja kerana lama mencari parkir, sekali gus menjejaskan kehadiran pelanggan dan jualan peniaga," katanya.

Sementara itu, penghuni PPR Kampung Baru Air Panas dikenali sebagai Ezana, 34, berkata dia dan adiknya yang tinggal bersama ibu bapa masing-masing memiliki kereta sendiri kerana ia lebih menjimatkan dan mudah untuk ke mana-mana.

Mengakui ada ketika terpaksa meletak kenderaan jauh sedikit

dari rumah, risiko kereta dikhianati dan mengambil masa lama untuk mencari parkir, namun peniaga dalam talian itu berkata ia sudah menjadi kelaziman dan dianggap perkara biasa dilaluinya sejak enam tahun lalu.

"Meskipun ada pengangkutan awam seperti bas dan kenderaan e-hailing, ia terbatas, ditambah servis pula kadang-kadang tidak mengikut jadual," katanya.

Mengulas isu itu, Pensyarah Kanan Pengajian Harta Tanah, Kolej Pengajian Alam Bina Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Prof Madya Dr Mona Isa berkata, berdasarkan pemerhatiannya, penghuni kediaman PPR atau strata kini ada menjangkau lebih daripada dua generasi, sekali gus menyumbang kepada pertambahan pemilikan kenderaan.

Tambah ruangan parkir

Beliau berkata, realitinya penghuni kediaman itu mempunyai anak yang sudah dewasa dan masing-masing memerlukan kenderaan apatah lagi ada sudah berkahwin dan mempunyai kenderaan, tetapi memilih tinggal bersama keluarga kerana masih tidak mampu membeli rumah sendiri.

"Seperti sedia maklum, setiap kediaman PPR atau strata lazimnya diperuntukkan satu atau dua ruang letak kenderaan, namun senario sekarang sudah berubah apabila sesebuah rumah akan ada lebih daripada dua kereta jika mempunyai beberapa generasi di dalamnya, lagi-lagi jika rumah itu disewakan.

"Jadi, saya melihat mereka mampu memiliki kenderaan bukan faktor kemewahan, tapi keperluan mendesak," katanya.

Sehubungan itu, Mona mencadangkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menambah bilangan ruang parkir melalui bangunan parkir bertingkat di ruang PPR atau strata yang masih ada, selain berusaha meningkatkan kecekapan pengoperasian pengangkutan awam bagi mengurangkan ketergantungan kenderaan persendirian.

BERNAMA